



Pengurusan dan Prospek  
Ekonomi

*1*





# Pengurusan dan Prospek Ekonomi

## Tinjauan

**P**restasi ekonomi Malaysia yang kukuh sejak beberapa dekad yang lalu menandakan keberkesanan dasar ekonomi Kerajaan. Prestasi ekonomi yang memberangsangkan pada tempoh dua suku pertama 2008, persekitaran luar yang sangat tidak menentu membuktikan langkah Kerajaan yang pragmatik dan proaktif. Ketidaktentuan dalam suasana peningkatan harga minyak mentah dan risiko perubahan mendadak pasaran kewangan serta tekanan inflasi adalah perkara yang diberi perhatian dalam Bajet 2008. Rentetan daripada itu, perkara yang membimbangkan kini telah menjadi isu yang mendorong kepada prospek ekonomi global yang sederhana. Berdasarkan senario ini, pengurusan ekonomi pada 2008 akan memberi tumpuan kepada usaha meredakan kesan risiko ini dan meningkatkan daya tahan ekonomi domestik untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan di seluruh negara. Program yang dilaksanakan pada 2008, memberi keutamaan kepada peningkatan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran serta taraf hidup rakyat Malaysia.

Seterusnya, tahun 2009 dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi global yang beransur pulih, di samping tekanan inflasi ke atas ekonomi domestik yang semakin berkurang. Perkembangan ini, seiring dengan strategi yang diperkenalkan dalam Bajet 2009, akan membolehkan ekonomi berkembang dalam suasana pengangguran yang rendah dan harga yang stabil. Ini memerlukan setiap rakyat Malaysia kekal cekal dan bersatu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

## Prestasi Ekonomi 2008

Pertumbuhan ekonomi global terus mengalami penyesuaian kesan daripada ketidaktentuan

pasaran kewangan yang berterusan dan harga komoditi global yang kekal tinggi. Tekanan inflasi berikutan perkembangan ini telah mengakibatkan pertumbuhan sederhana ekonomi utama dunia dan seterusnya menyebabkan anggaran semula pertumbuhan global yang lebih rendah. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menganggarkan semula pertumbuhan dunia yang lebih rendah daripada 4.8% kepada 4.1% dan perdagangan global daripada 6.7% kepada 5.6% pada tahun 2008.

Walaupun pertumbuhan global adalah perlahan, permintaan domestik di negara membangun kekal kukuh, terutamanya China selaku tuan rumah Sukan Olimpik 2008 pada bulan Ogos dan India dengan penggunaan swasta yang kukuh. Berikutan harga makanan dan tenaga yang semakin tinggi, rantau Asia Tenggara dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana. Selaras dengan perkembangan ini, ekonomi Malaysia dijangka turut berkembang sederhana. Dengan inisiatif proaktif yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menghadapi cabaran semasa, ekonomi negara dijangka berkembang 5.7% pada tahun 2008.

## Pengurusan Fiskal 2008

Peningkatan berterusan harga minyak mentah global membawa kepada peningkatan subsidi langsung bagi bahan api yang kian sukar ditampung di dalam negara. Kerajaan telah menstruktur semula subsidi bahan api bagi memastikan pengagihan subsidi yang lebih efisien dan mengekang ketirisan. Walau bagaimanapun, beberapa industri penting, iaitu pengangkutan dan perikanan, akan terus mendapat manfaat harga bahan api yang istimewa. Walaupun harga runcit petrol meningkat, namun jumlah subsidi kekal tinggi. Dana tambahan juga telah diperuntukkan bagi menangani isu kekurangan bekalan makanan

selaras dengan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara dan menyediakan subsidi untuk makanan asas. Langkah ini, sebahagian besarnya telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan mengurus Kerajaan.

Dengan perkembangan ini dan keperluan untuk menyokong keutamaan pembangunan baru, akaun Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit 4.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau RM34,462 juta berbanding 3.2% daripada KDNK atau RM20,658 juta pada tahun 2007. Defisit kekal terkawal dan akan dibiayai oleh sumber pinjaman domestik yang tidak memberi kesan inflasi. Pembiayaan ini dijangka tidak menjejaskan akses sektor swasta kepada dana pinjaman memandangkan kadar tabungan yang tinggi dan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan. Kerajaan akan terus mengamalkan dasar fiskal berdisiplin dalam menguruskan sumber kewangannya.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 15.5% kepada RM161,558 juta berbanding RM139,885 juta pada tahun 2007. Kutipan hasil yang kukuh ini didorong oleh peningkatan memberangsangkan hasil berkaitan minyak, harga komoditi yang teguh, langkah mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas industri tertentu dan penambahbaikan pentadbiran percukaian. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka turut meningkat 20.5% kepada RM197,211 juta yang mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan 22.6% dalam perbelanjaan mengurus. Selain daripada perbelanjaan kenaaan tetap seperti emolumen, bayaran khidmat hutang, pindahan serta bekalan dan perkhidmatan, jumlah dana yang besar juga turut diperuntukkan bagi subsidi makanan dan bahan api. Perbelanjaan tambahan ini adalah untuk menangani impak kenaikan kos, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Perbelanjaan mengurus juga akan ditumpukan kepada program dan projek yang disasarkan kepada penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi.

Perbelanjaan pembangunan juga dijangka meningkat 14.0% kepada RM46,258 juta pada tahun 2008, berikutan pelaksanaan projek

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan peningkatan kos disebabkan harga bahan binaan yang semakin tinggi. Perbelanjaan pembangunan akan fokus kepada peningkatan keupayaan produktif ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, tumpuan akan diteruskan kepada infrastruktur asas, termasuk menaik taraf sistem pengangkutan awam dan utiliti, menambah baik kemudahan asas di kawasan luar bandar, meningkatkan pengeluaran dan produktiviti pertanian serta mempercepatkan pembangunan modal insan.

## **Meneruskan Misi Nasional**

Lima teras strategik Misi Nasional seperti yang dizahirkan dalam RMKe-9, terus menyediakan rangka kerja bagi panduan dasar dan menilai kemajuan yang telah dicapai setakat ini. Kajian Separuh Penggal RMKe-9 telah mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh ekonomi domestik yang menyebabkan projek disenarai semula mengikut keutamaan dan penilaian semula sasaran makroekonomi bagi jangka masa sederhana. Sasaran jangka panjang bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 terus kekal. Langkah strategik dan pragmatik telah diperkenalkan bagi menangani cabaran terkini dalam ekonomi.

Bajet 2008 dengan tema “Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran” mencerminkan objektif dan aspirasi Misi Nasional. Tema ini diterjemahkan kepada tiga strategi utama iaitu mempertingkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

## **Mempertingkatkan Daya Saing Negara**

Daya saing negara, yang merujuk kepada kemampuan sesuatu masyarakat mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang menyokong peningkatan nilai bagi sesuatu institusi, hanya boleh dicapai dengan menggerakkan ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi. Sejajar dengan ini, anjakan kepada nilai tambah yang lebih tinggi dan aktiviti berintensif pengetahuan di sepanjang rantai nilai telah dicapai dalam beberapa industri sektor utama baru. Dalam

sektor perkhidmatan, kemajuan telah dicapai dalam beberapa bidang yang negara mempunyai kelebihan, seperti pelancongan, kewangan Islam serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Bagi membantu aktiviti pelaburan swasta, Kerajaan telah melaksanakan banyak dasar mesra perniagaan, termasuk mengurangkan kadar cukai korporat secara progresif daripada 28% kepada 27% pada tahun 2007, 26% pada tahun 2008 dan 25% pada tahun 2009, serta memperkenalkan penambahbaikan dalam pentadbiran cukai. Kerajaan terus menyokong dan menggalakkan aktiviti sektor swasta dengan mengurangkan kos kendalian perniagaan dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Berikutan perkembangan ini, jumlah pelaburan berkembang 5.8% dalam tempoh separuh pertama 2008, disokong oleh pelaburan langsung domestik dan asing yang kukuh. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi dicatatkan dalam kebanyakan sektor ekonomi, terutamanya sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan perlombongan. Selain itu, nisbah tambahan modal kepada pengeluaran (ICOR), yang mengukur kecekapan modal, bertambah baik kepada 3.5 berbanding 4.6 seperti yang disasarkan dalam RMKe-9.

### *Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan*

Perkhidmatan awam yang efisien adalah faktor utama dalam memastikan persekitaran yang kondusif bagi menarik pelaburan swasta. Ke arah ini, usaha telah diambil untuk menyelaras peraturan dan prosedur pentadbiran, meningkatkan aplikasi ICT dan menambah baik infrastruktur sokongan. Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang terdiri daripada pegawai tinggi sektor awam dan swasta bagi memudahkan semua aspek berkaitan kendalian perniagaan dengan menambah baik proses dan prosedur kerja sektor awam.

Dalam tahun pertama penubuhannya, PEMUDAH telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan proses dan prosedur. Penyelarasan dan

pemansuhan proses dalaman yang bertindih dan peningkatan penggunaan kemudahan elektronik telah mengurangkan tempoh masa yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi melaksanakan proses pulangan balik cukai. Selain itu, penambahbaikan proses dan penyelarasan yang lebih baik antara LHDN dan Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta telah menghasilkan penambahbaikan yang ketara dari segi masa yang diambil untuk memproses penilaian duti setem. Bagi memudahkan lagi sektor swasta berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan untuk tujuan kelulusan, lesen dan permit, sebuah kemudahan perniagaan atas talian, iaitu *Business Licensing Electronic Support Services* (BLESS) telah dibangunkan. BLESS telah mula beroperasi di Lembah Klang pada 11 Februari 2008. Pada peringkat permulaan, sistem ini meliputi sektor pembuatan yang melibatkan pengeluaran 84 lesen berlainan di 75 agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan jawatankuasa teknikal. Inisiatif BLESS akan diperluaskan kepada sektor pembinaan dan perhotelan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2009.

Di samping itu, Jabatan Imigresen telah melaksanakan beberapa langkah bagi memudahkan komuniti pelaburan dalam pengambilan ekspatriat serta menarik dan mengekalkan pekerja berpengetahuan dan mahir. Penambahbaikan sistem penyampaian yang dijalankan, termasuk mempercepatkan pemprosesan permohonan, melanjutkan permit kerja ekspatriat daripada dua kepada lima tahun dan menubuhkan Kaunter Eksekutif di semua Pejabat Imigresen Negeri. Selain itu, PEMUDAH turut menerbitkan Buku *“Guidebook on the Employment of Expatriates: Processes and Procedures”* untuk memberi penjelasan dan membantu masyarakat ekspatriat dan pelabur dalam semua aspek pengambilan ekspatriat.

Sebagai usaha mewujudkan persekitaran operasi yang lebih mesra perniagaan, PEMUDAH kini memberi tumpuan kepada isu berkaitan penguatkuasaan kontrak, logistik dan kastam, pendaftaran harta tanah, penubuhan dan pembubaran perniagaan, jawatankuasa pelaburan asing serta perolehan Kerajaan. Hasil inisiatif ini juga dijangka membantu Malaysia

memperbaiki kedudukan dalam *World Bank's Doing Business Ranking* dan *Institute for Management Development's World Competitiveness Report*. Pada masa ini, Malaysia menduduki tempat ke-24 daripada 178 negara dalam penarafan kendalian perniagaan dan tempat ke-19 daripada 55 ekonomi dalam laporan daya saing dunia.

Penambahbaikan yang ketara telah dilaksanakan dalam urus niaga tanah. Skuad bertindak telah ditubuhkan dengan pengambilan seramai 1,006 kakitangan kontrak dan ditempatkan di serata pejabat tanah daerah dan negeri untuk menyelesaikan 1.6 juta kes tertunggak sejak 31 Disember 2006, yang melibatkan pindah milik, gadaian dan pajakan tanah di seluruh negara. Sehingga 31 Disember 2007, hampir kesemua kes telah diselesaikan sementara baki 989 kes masih dalam proses pendaftaran. Selain itu, masa yang diambil untuk memproses hak milik strata dipendekkan kepada 170 hari daripada 261 hari, sementara pengambilan tanah kepada tiga bulan daripada sembilan bulan. Di samping itu, penggunaan ICT membolehkan kutipan cukai tanah dibuat secara atas talian dan kod bar dicetak pada hak milik tanah bagi mengelak penyelewengan.

### *Memajukan Pelancongan Tersendiri*

Pelancongan merupakan industri penting dalam sektor perkhidmatan dari segi pendapatan daripada pertukaran asing, pembangunan keusahawanan serta penjana perniagaan, pekerjaan dan pendapatan. Berdasarkan sumbangan dan potensinya dalam menjana pertumbuhan, Kerajaan terus mempromosi industri ini. Beberapa produk pelancongan khusus yang telah dipromosikan, termasuk ekopelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan sukan, Malaysia Rumah KeduaKu (MM2H) dan pelancongan kesihatan. Berdasarkan akses kepada Taman Negara, pemandangan hutan dan hidupan liar, ekopelancongan giat dipromosikan bagi menarik pelancong menerokai kekayaan biodiversiti, hutan hujan, gua dan khazanah alam di negara ini. Selain itu, Program MM2H membolehkan para pelancong untuk mengasimilasi dan menimba pengalaman mengenai budaya dan cara hidup

rakyat Malaysia untuk tempoh yang lebih panjang. Produk pelancongan berasaskan komuniti seperti program *homestay* akan dipergiatkan bagi membangun semula ekonomi luar bandar serta meningkatkan penglibatan komuniti dan pendapatan isi rumah luar bandar. Usaha promosi juga akan ditumpukan bagi mendapat manfaat pasaran lumayan dalam pelancongan kesihatan dan pendidikan. Dalam usaha menggalakkan industri ini, Program Tahun Melawat Malaysia 2007 dilanjutkan kepada bulan Ogos 2008, sementara negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu telah melancarkan program serupa pada tahun 2008. Industri ini juga terus mendapat manfaat daripada usaha Kerajaan dalam mempromosi Malaysia sebagai destinasi utama bagi Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE). Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, ketibaan pelancong mencatat 11 juta orang berbanding 10.7 juta orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2007.

### *Memajukan Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

Penggunaan ICT membolehkan daya saing negara meningkat ke arah mencapai ekonomi bernilai tambah yang lebih tinggi. Mengambil kira kepentingan industri ICT, dasar mesra perniagaan dan inisiatif sedia ada Kerajaan akan terus menyokong perkembangan industri ini. Dasar dan inisiatif tersebut, termasuk binaupaya, mewujudkan persekitaran yang kaya dengan kandungan multimedia serta menawarkan lebih banyak perkhidmatan dan produk komunikasi.

Rangkaian jalur lebar telah dikenal pasti sebagai platform pemangkin bagi merangsang produktiviti dan daya saing serta menyokong pembangunan industri baru. Dalam usaha menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan mengurangkan jurang digital, Kerajaan menasarkankan peningkatan kadar penembusan jalur lebar kepada 50% daripada isi rumah menjelang 2010. Selaras dengan sasaran ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah, termasuk elaun cukai infrastruktur *last-mile*, pengecualian cukai jualan dan duti import ke atas peralatan jalur lebar serta potongan cukai kepada majikan yang menyediakan manfaat jalur lebar kepada

kakitangan. Berikutan inisiatif tersebut, kadar penembusan jalur lebar meningkat kepada 16.5% daripada jumlah isi rumah pada tahun 2007, berbanding 11.0% pada tahun 2006.

Bagi mempercepatkan lagi kadar penembusan jalur lebar, Kerajaan telah melaksanakan perkongsian awam-swasta bersama Telekom Malaysia (TM) bagi membangunkan infrastruktur Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dengan anggaran kos sebanyak RM15.2 bilion bagi tempoh 10 tahun. Projek ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Apabila dilaksanakan sepenuhnya, projek ini akan menyediakan infrastruktur bertaraf dunia bagi pembangunan aplikasi dan kandungan, seterusnya memperkukuhkan lagi daya saing negara.

Bagi terus membangunkan industri animasi dan kandungan kreatif serta meningkatkan kepakaran tempatan, Kerajaan menerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia telah menubuh Pusat Kandungan Kreatif Animasi Malaysia dan Dana eContent pada tahun 2007. Inisiatif ini menyediakan kemudahan berpusat bagi pembangunan kandungan digital kepada animator, pakar kesan visual dan pelajar multimedia tempatan. Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM86 juta bagi Dana eContent untuk membina keupayaan industri ini. Sehingga akhir bulan Jun 2008, sebanyak 46 aplikasi berjumlah RM43 juta telah diluluskan. Kerajaan juga melancar Geran Pembangunan Kandungan Berangkaian berjumlah RM20 juta pada bulan Julai 2007 bagi menggalakkan penciptaan, penerbitan dan pengagihan kandungan berangkaian yang kreatif, tulen dan boleh dipasarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sehingga akhir bulan Mei 2008, enam buah syarikat telah diberi geran berjumlah RM4 juta.

Inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia telah menjangkau tahun operasinya yang ke-12. Industri ICT tempatan semakin berjaya dalam membangunkan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia dan bersedia untuk menembusi pasaran global. Tambahan pula, penganjuran Kongres Dunia Teknologi Maklumat pada bulan Mei 2008, di Kuala Lumpur menyediakan platform bagi lebih banyak syarikat ICT antarabangsa

melabur dan menjalinkan kerjasama dengan syarikat tempatan.

Bagi terus membangunkan MSC Malaysia, Panel Penasihat Antarabangsa terus memberi nasihat kepada Kerajaan berkenaan dasar strategik bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam persekitaran dan aplikasi ICT yang berkembang pesat. Antara cadangan yang diutarakan dalam Mesyuarat Ke-11 pada bulan Mei 2008, termasuk memupuk inovasi di semua peringkat bagi meningkatkan kemakmuran serta memperluaskan aplikasi perdana untuk meliputi pertanian dan menguruskan sumber tenaga. Selain itu, mesyuarat juga mencadangkan supaya negara memanfaatkan kepelbagaian budaya untuk meletakkan Malaysia sebagai hab terpilih bagi pembangunan kandungan multimedia kreatif.

### *Membangunkan Kewangan Islam*

Berpandukan visi jangka panjang yang jelas dalam menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang berdaya saing, Malaysia kini, berada di barisan hadapan dalam pembangunan kewangan Islam. Dalam pasaran Bon Islam (*sukuk*), 60% terbitan *sukuk* dunia dikeluarkan oleh Malaysia. Dari segi pembangunan produk, Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) Islam pertama dunia dan Dana Dagangan Bursa Islam pertama di Asia disenaraikan di Malaysia. Selain itu, 86.0% daripada kaunter tersenarai mematuhi prinsip *Syariah*, seterusnya menyumbang kepada industri pengurusan aset Islam yang rancak. Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa terus merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran global bagi pakar kewangan Islam. Pada tahun 2008 bagi memperkukuh pasaran modal Islam, Kerajaan telah memperkenalkan garis panduan dan amalan terbaik bagi pembangunan industri modal teroka Islam. Selain itu, tiga institusi kewangan terkemuka telah diberi kelulusan untuk menubuhkan syarikat pengurusan dana Islam di Malaysia. Kerajaan akan terus menyokong pembangunan kewangan Islam dengan menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan hubungan dengan pusat kewangan Islam lain. Kerajaan juga akan terus mempromosi Malaysia sebagai pusat perkembangan produk kewangan Islam global.

### Penekanan Kepada Sektor Pertanian

Teras utama pembangunan sektor pertanian adalah untuk menjadikan sektor ini sebagai salah satu sumber utama pertumbuhan ekonomi. Ketika ini, pertumbuhan dalam sektor ini disumbangkan sebahagian besar oleh komoditi industri pertanian, terutamanya kelapa sawit, getah dan kayu gergaji serta pertumbuhan kukuh dalam subsektor perikanan dan ternakan. Bagi menggalakkan sektor pertanian, *Malaysian Agrifood Corporation Berhad* (MAFC), anak syarikat milik Khazanah Nasional Berhad telah diperbadankan pada tahun 2006. MAFC bertindak sebagai pemangkin dalam memodenkan sistem rantai bekalan dan pengedaran makanan berasaskan pertanian negara bagi menepati piawaian global dari segi keselamatan dan kualiti. Melalui pelaburan awal yang diluluskan sebanyak RM252 juta, MAFC telah melaksanakan beberapa inisiatif sejajar dengan objektif ini. Antara inisiatif tersebut, termasuk menggalakkan pengeluaran pertanian dalam persekitaran yang terkawal, pertanian kontrak korporat, kerjasama penyelidikan dan pembangunan tanaman tanah tinggi dan ladang benih. Inisiatif rantai bekalan, termasuk menubuhkan dua pusat sumber, dua pusat pembungkusan dan pemprosesan bersepadu, satu pusat pengedaran serta mengoperasi 55 trak yang digunakan untuk penyejukan. MAFC juga berusaha membangunkan saluran pemasaran tempatan sebahagian besarnya di *hypermarket* dan sektor makanan, sementara usaha di peringkat antarabangsa telah membawa kepada pasaran baru di Singapura dan United Kingdom (UK). MAFC juga menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memastikan kualiti dan keselamatan hasil ladang menepati piawaian global. Oleh itu, persijilan seperti Skim Amanah Ladang Malaysia (SALM), ISO 9001 dan sistem *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) di ladang dan rantai bekalan telah diperkenalkan.

Antara inisiatif lain yang dijalankan pada tahun 2008 adalah, termasuk meningkatkan pengeluaran padi, pendaratan ikan dan menggalakkan penanaman bunga, buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi meningkatkan pengeluaran padi, Kerajaan menyediakan pelbagai insentif, termasuk

meningkatkan jaminan harga padi minimum kepada RM750 setan metrik serta insentif bagi penanaman, baja dan meningkatkan produktiviti. Bagi industri perikanan, beberapa projek telah dilaksanakan, termasuk pembiakan ikan air tawar di Sungai Como, Terengganu dan Tasek Temenggor, Perak, pembiakan udang harimau di Sungai Nipah, Selangor serta pembiakan ikan hiasan di Bendang Man dan Sungai Tengah, Kedah.

Usaha juga turut diambil untuk mempelbagaikan eksport industri florikultur. Antara pasaran baru, termasuk New Zealand, Emiriah Arab Bersatu, Kesatuan Eropah (EU) dan China. Bagi buah-buahan dan sayur-sayuran, pelaksanaan beberapa Pertanian Bersepadu dan Taman Pengeluaran Makanan Kekal telah meningkatkan nilai tambah dalam subsektor ini. Selain itu, usaha turut diambil untuk mempromosikan sumber pertumbuhan baru, terutamanya tanaman kenaf, perikanan laut dalam dan pengeluaran rumpai laut.

Sebagai tindakan susulan strategik jangka panjang, Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara akan menangani isu bekalan makanan yang konsisten dan mencukupi serta akses kepada bekalan tersebut. Barang makanan strategik yang terkandung dalam dasar jaminan bekalan makanan, termasuk beras, ikan dan produk akuakultur, ayam dan daging serta sayur-sayuran. Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara juga akan menangani isu kompleks dan berhubung kait, termasuk kos pengeluaran, kekurangan tanah yang sesuai, golongan petani yang semakin berumur, bekalan benih dan baka haiwan yang berkualiti, infrastruktur pertanian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi. Sejumlah RM2.5 bilion telah diperuntukkan pada tahun 2008 bagi inisiatif di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

### Membayai Sumber Pertumbuhan Baru

Perkembangan sumber pertumbuhan baru dalam bidang berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan seperti bioteknologi, pertanian baru, ICT dan multimedia kreatif memerlukan



persekitaran pembiayaan yang inovatif dan berisiko. Sehubungan itu, Kerajaan terus mempromosi industri modal teroka (VC) yang menjadi pemangkin untuk membimbing syarikat daripada peringkat konsep hingga pengkomersilan. Bagi melengkapinya inisiatif sektor swasta ini, Kerajaan telah menubuhkan beberapa syarikat modal teroka iaitu *Cradle Fund* (CFSB), *Malaysia Venture Capital Management* (MAVCAP), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), *Malaysian Life Sciences Capital Fund* (MLSCF), Kumpulan Modal Perdana (KMP) dan *Malaysia Debt Ventures* (MDV). CFSB mengkhusus kepada pelaburan di peringkat awal sementara MAVCAP menumpukan kepada pelaburan dalam sektor ICT tempatan. MTDC pula, antara lain, memberi tumpuan kepada pembiayaan syarikat dalam bidang bioteknologi, sains hayat dan pertanian. MLSCF yang diurus secara bersama oleh MTDC mengkhusus kepada pelaburan dalam bidang teknologi pertanian, industri dan kesihatan. Sementara itu, KMP pula, mengurus modal teroka bagi pemindahan teknologi, sementara MDV menyediakan pembiayaan bagi ICT yang bernilai tambah tinggi, bioteknologi dan industri lain yang berkembang pesat.

CFSB dengan dana sebanyak RM100 juta menyediakan geran bagi mengubah konsep berkaitan teknologi kepada usaha pengkomersilan yang berdaya maju. Sehingga bulan Julai 2008, 247 konsep telah dibiayai dengan 52 daripadanya berjaya dikomersilkan. MAVCAP dengan dana berjumlah RM1 bilion adalah syarikat VC ICT terbesar negara ini. Sehingga kini, ia telah membiayai 119 usahawan dan enam syarikat yang berjaya disenaraikan di Malaysia, Singapura, UK dan Australia. MTDC dengan dana sebanyak RM1 bilion telah meluluskan pelaburan berjumlah RM448.9 juta kepada 19 syarikat bukan ICT. MLSCF dengan dana berjumlah USD150 juta telah meluluskan pelaburan berjumlah USD85 juta, manakala KMP dengan dana berjumlah USD50 juta telah melabur dalam 38 buah syarikat di Amerika Syarikat (AS), China dan Malaysia. MDV dengan dana pusingan sebanyak RM1.6 bilion telah memberi pinjaman berjumlah RM2.3 bilion kepada 234 syarikat.

### Memupuk Industri Bioteknologi

Dasar Bioteknologi Negara telah digubal bagi memanfaatkan kekayaan biodiversiti negara, menambah bilangan saintis, penyelidik dan usahawan serta membangunkan produk dan perkhidmatan bagi menggerakkan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi. Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) telah ditubuhkan untuk menerajui pencapaian objektif Dasar Bioteknologi Negara. Sejak penubuhannya, BiotechCorp telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan pembinaan rangkaian syarikat bioteknologi di bawah status BioNexus. Syarikat yang mempunyai status ini layak menikmati keistimewaan di bawah Bil Jaminan BioNexus, geran dan insentif cukai.

Model ini terbukti berjaya dan terus menarik minat syarikat tempatan dan antarabangsa. Sehingga akhir bulan Jun 2008, 71 syarikat BioNexus telah dibimbing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.3 bilion yang turut melibatkan penyertaan daripada syarikat bioteknologi ternama daripada AS, Taiwan dan India. Syarikat ini terlibat dalam pelbagai aktiviti merentasi bidang pertanian, penjagaan kesihatan, perindustrian bioteknologi dan *bio-informatics* dengan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada lebih 1,000 pekerja berpendidikan. Syarikat BioNexus juga layak menerima *seed funding* dan *R&D Matching and International Business Development Grant*. Sehingga akhir bulan Jun 2008, geran sebanyak RM39.7 juta telah diluluskan kepada 18 buah syarikat.

Dalam mengkomersilkan R&D, Program Perkongsian BioNexus akan menggunakan keupayaan dan infrastruktur institusi awam sedia ada. Setakat ini, sebanyak lapan universiti dan dua institut penyelidikan telah terlibat dalam program ini bagi menggalakkan lebih banyak usahasama dan akses kepada infrastruktur dan kemudahan teknologi. BiotechCorp juga telah menyempurnakan pemerolehan teknologi yang ketara sebagai strategi bagi mempercepatkan proses pengkomersilan. Prospek bagi pembangunan industri bioteknologi seterusnya adalah cerah dengan termeterainya enam kerjasama antarabangsa di Bio San Diego

pada bulan Julai 2008 dengan syarikat daripada AS, Perancis, Itali, Korea dan India. Kerjasama ini dijangka menarik pelaburan berjumlah RM1 bilion menjelang tahun 2011.

### *Memperhebat Inisiatif Sumber Tenaga Diperbaharui*

Usaha mempromosi sumber tenaga diperbaharui (RE) merupakan salah satu strategi bagi mengurangkan kadar pencemaran dan kebergantungan terhadap bahan api fosil. Selaras dengan inisiatif ini, pada bulan Julai 2005, Kerajaan telah memulakan *Projek Malaysia Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV). Projek ini akan bertindak sebagai ujian awal bagi menggalakkan penerimaan yang lebih luas di kalangan masyarakat yang akan membantu mempercepatkan pembangunan pasaran tempatan yang mampan dan seterusnya mengurangkan kos jangka panjang teknologi *photovoltaic* solar. Menjelang tahun 2010, di bawah projek MBIPV ini, kapasiti solar BIPV yang dipasang dijangka meningkat sebanyak 330% dan mengurangkan kos seunit sebanyak 20%. Sehingga bulan Jun 2008, di bawah Program SURIA 1000, sebanyak 100 buah rumah dan bangunan telah dilengkapi dengan sistem solar BIPV. Program ini membolehkan pemilik harta tanah kediaman dan komersil menikmati rebat antara 40% hingga 75% bagi kos peralatan dan pemasangan BIPV. Hasil daripada program ini menunjukkan pengguna bersedia untuk membayar sehingga 50% daripada jumlah pelaburan bagi sistem BIPV. Dengan perkembangan ini, kos seunit BIPV telah berjaya dikurangkan dalam lingkungan 12%. Selain itu, tiga buah syarikat solar antarabangsa telah melabur lebih RM12 bilion dan mewujudkan lebih kurang 5,000 pekerjaan baru dalam industri teknologi tinggi ini. Di samping itu, biomas dan biogas adalah antara sumber lain yang berpotensi dijadikan tenaga yang boleh diperbaharui. Sehubungan itu, dua projek demonstrasi jana kuasa menggunakan tandan buah sawit kosong dan bahan buangan kilang sawit sebagai bahan bakar sedang dalam pembinaan di Negeri Sembilan. Projek ini akan membantu menyediakan daya maju tekno-ekonomi, reka bentuk, pembangunan serta operasi dan

penyelenggaraan jana kuasa berasaskan biomas/biogas yang mampan sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

### *Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana*

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merangkumi 99% daripada perusahaan perniagaan memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, dalam usaha untuk menggerakkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi, adalah mustahak untuk PKS dapat bersaing dalam persekitaran yang semakin terbuka dan terus memainkan peranan penting dalam ekonomi. Kerajaan komited terhadap membangunkan sektor PKS yang kukuh dan berdaya saing. Ke arah ini, Kerajaan menubuhkan *SME Bank* untuk membimbing dan memenuhi keperluan PKS yang unik. Selain itu, terdapat 31 dana disediakan di beberapa agensi dan jabatan Kerajaan bagi membantu perusahaan ini. Pada tahun 2008, Kerajaan telah mengumumkan dua kemudahan pembiayaan baru berjumlah RM1.2 bilion untuk membantu PKS memodenkan dan mengekalkan operasi mereka dalam persekitaran kos perniagaan yang meningkat. Antara perkhidmatan lain yang turut disediakan, termasuklah khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pengurusan kewangan dan teknologi.

### **Memperkasa Pembangunan Modal Insan**

Kajian Separuh Penggal RMKe-9 menumpukan kepada lima teras strategi utama bagi membangunkan modal insan, iaitu meningkatkan kualiti dan akses pendidikan; menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama; mewujudkan institusi pendidikan tertiar bertaraf antarabangsa; memupuk penyelidikan dan pembangunan berkualiti, mempertingkatkan keupayaan saintifik dan inovatif; serta menyemai nilai toleransi dengan semangat kekitaan dan patriotik dalam masyarakat. Ke arah ini, Bajet

2008 memperkenalkan beberapa langkah, termasuk mempertingkatkan R&D dan aktiviti pengkomersilan di empat buah universiti penyelidikan, menaik taraf dan memperluas Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Darul Iman Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia serta politeknik dan kolej komuniti.

### *Mempertingkatkan Pembangunan Sumber Manusia*

Dalam usaha mempertingkatkan peluang pekerjaan graduan tempatan, kesemua 20 universiti awam telah mengkaji semula kurikulum dengan memasukkan pendedahan kepada kemahiran kemanusiaan, keusahawanan dan Bahasa Inggeris. Pendedahan seumpama ini membantu meningkatkan keyakinan dan kebolehan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang kompetitif. Selain itu, skim latihan akademik sedia ada di universiti awam telah meningkatkan bilangan pensyarah berkelulusan PhD. Dengan peningkatan PhD di universiti awam sebanyak 18.0% kepada 6,109 pada tahun 2007, kualiti pengajaran dan penyelidikan di institusi tersebut dijangka bertambah baik.

Bagi memenuhi permintaan industri terhadap pekerja mahir, Kerajaan terus mempromosi program vokasional dan teknikal di pelbagai peringkat. Bagi mereka yang tiada kecenderungan akademik, GIATMARA menawarkan pelbagai latihan berasaskan kemahiran dalam beberapa bidang vokasional, termasuk pertukangan, pembaikan paip, pendawaian, kimpalan dan percetakan. Kursus ini bukan sahaja memenuhi permintaan industri, bahkan juga membolehkan pelatih bekerja sendiri. Dalam tempoh suku pertama 2008, lebih kurang 10,000 pelatih mengikuti pelbagai kursus di 183 Pusat GIATMARA. Di samping itu, Sistem Latihan Dual Nasional telah diperkenalkan untuk menghasilkan pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri semasa dan akan datang. Di bawah sistem ini, 70% hingga 80% daripada latihan dijalankan di industri sementara bakinya di institusi latihan dengan tumpuan diberikan kepada aspek asas dan teori. Sehubungan itu, sehingga bulan Julai 2008, sebanyak 612 syarikat telah menyediakan latihan kepada 3,558 orang pelatih.

Antara program di bawah Kementerian Belia dan Sukan, termasuk Program Latihan Belia Niaga dan Program Latihan Belia Tani. Di bawah dua program tersebut, sebanyak 102 kursus melibatkan 7,000 peserta telah dirancang yang mana sehingga 10 Jun 2008, sebanyak 2,049 peserta telah menjalani latihan. Program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pula ditumpukan kepada usaha memupuk kemahiran keusahawanan dan promosi perniagaan. Kursus dibentuk untuk membantu usahawan yang baru memulakan perniagaan serta memperkukuh dan meningkatkan kebolehan usahawan sedia ada. Sehingga akhir bulan Mac 2008, seramai 4,725 peserta telah diberi pendedahan dan latihan mengenai jaringan keusahawanan.

Bagi memenuhi permintaan terhadap pekerja berpengetahuan, MSC Malaysia telah menubuhkan *Industry-Academia Collaborations* (IAC). Inisiatif ini, antara lain, dibentuk bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pensyarah melalui program *Train-the-Trainer* serta menyediakan pengalaman perantisan dan praktikal kepada pelajar. Pada tahun 2007, melalui kerjasama dengan syarikat ICT terkemuka dunia, 225 pelajar dan pensyarah telah menjalani latihan yang relevan dengan industri di India. Pada tahun 2008, sebanyak 100 syarikat dijangka menyediakan peluang latihan kepada 3,000 pekerja berpengetahuan dan 100 pensyarah. Selain itu, kurikulum institut pengajian tinggi akan terus diselaraskan dengan modul yang relevan dengan industri. Usaha kerjasama IAC untuk melatih pensyarah dalam kemahiran industri pusat hubungan akan turut membantu menghasilkan 1,000 profesional pusat hubungan setahun. Pada masa yang sama, usaha sedang dilaksanakan bagi menghasilkan seramai 1,500 jurutera *Very Large Scale Integration* (VLSI) menjelang tahun 2009.

Untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja serta mengukuhkan daya saing ekonomi, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang dibiayai oleh industri telah diwujudkan pada tahun 1993. Ini memberi lebih kelonggaran kepada para majikan untuk memilih program latihan dan program pendidikan lanjutan untuk pekerja mereka. Dalam tempoh separuh

pertama 2008, sebanyak RM186 juta telah diluluskan di bawah Tabung ini untuk melatih 379,326 pekerja. Selain itu, 18,669 pelatih telah mendaftar di pelbagai pusat latihan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Untuk meningkatkan tahap pengetahuan tenaga kerja, terutama dalam bidang baru dan berteknologi tinggi, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 telah dipinda bagi membolehkan pekerja memanfaatkan HRDF bagi menyambung pengajian di peringkat sarjana atau kedoktoran. Sehingga kini, seramai 14 pekerja sedang melanjutkan pengajian lanjutan di bawah program ini.

### *Mempromosi Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan*

Kerajaan terus menyokong aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C). Beberapa dana telah ditubuhkan untuk mewujudkan budaya R&D&C yang memberangsangkan dan membangunkan modal insan dalam bidang sains dan teknologi. Keutamaan diberikan kepada penyelidikan dalam tenaga diperbaharui dan agrobioteknologi. Daripada jumlah keseluruhan peruntukan R&D&C yang diselia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, 36.0% telah diperuntukkan kepada *Science Fund*, 58.0% kepada *Techno Fund* dan selebihnya kepada *Inno Fund*. *Science Fund* menumpukan kepada sains asas dan gunaan, manakala *Techno Fund* disediakan untuk pembangunan teknologi terkini dalam enam kluster teknologi, iaitu pertanian, bioteknologi, ICT, industri, laut ke angkasa serta perkhidmatan sains dan teknologi. *Inno Fund* pula, membolehkan pembangunan produk baru atau penambahbaikan produk, proses atau perkhidmatan dengan elemen inovasi untuk dikomersilkan. Di bawah *Science Fund* dan *Techno Fund*, 136 projek berpotensi untuk dikomersilkan telah dikenal pasti dan daripada jumlah tersebut, 53 projek berjaya dikomersilkan.

Selain itu, dana berjumlah RM194 juta telah ditubuhkan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dana tersebut memberi tumpuan kepada aktiviti R&D makanan berasaskan pertanian, terutamanya dalam penyelidikan

kritikal, sains terkini, jurang teknologi dan penyelidikan menyeluruh. Aktiviti ini dijangka dapat meningkatkan pengeluaran makanan negara, mempercepatkan pemindahan dan pengkomersilan teknologi serta meningkatkan eksport produk pertanian yang bernilai tambah tinggi.

## **Menjamin Kesejahteraan Rakyat**

Kerajaan kekal komited kepada teras pembangunan, iaitu pertumbuhan dengan saksama. Oleh itu, pelbagai strategi telah diperkenalkan untuk memastikan akses yang lebih baik kepada kemudahan awam, perumahan dan penjagaan kesihatan; meneruskan pembinaan jalan di kawasan luar bandar dan menambah baik pengangkutan awam serta keselamatan jalan raya. Langkah telah diambil untuk menyediakan suasana persekitaran yang selamat untuk rakyat, memperkasa wanita, melindungi kanak-kanak serta meningkatkan peranan belia dalam masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2007 membantu pengagihan pendapatan dan peluang yang lebih baik kepada semua rakyat Malaysia. Terdapat penambahbaikan dalam pola guna tenaga, pemilikan ekuiti korporat dan kadar kemiskinan. Pada masa yang sama, adalah nyata penyertaan lebih banyak usahawan dan syarikat Bumiputera dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Pelaksanaan projek pelaburan di bawah koridor pertumbuhan dan inisiatif di bawah Bajet 2008 dijangka dapat memberi pembangunan yang seimbang ke seluruh negara.

### *Komitmen terhadap Membasmi Kemiskinan*

Kerajaan terus komited untuk membasmi kemiskinan dalam strategi pembangunannya. Pelbagai program untuk membasmi kemiskinan wujud di beberapa kementerian dan agensi serta diselaraskan oleh Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri. Sebagai salah satu mandat untuk memastikan sasaran membasmi kemiskinan tercapai, usaha telah dilipatgandakan untuk memperkukuhkan jentera membasmi kemiskinan di semua peringkat.

Menyedari bahawa keberkesanan program dan projek sangat bergantung kepada pengkalan data yang komprehensif mengenai penduduk miskin, kerajaan telah mulakan Projek e-kasih, iaitu pusat bank data bersepadu mengenai kemiskinan di negara ini. Pengkalan data e-kasih merupakan kaedah penting dalam perancangan strategik, pelaksanaan dan pemantauan program untuk membasmi kemiskinan, terutamanya kemiskinan tegar. Selain itu, ia turut berperanan sebagai rujukan kepada semua agensi kerajaan yang terlibat dalam membantu golongan miskin. Dengan maklumat yang sentiasa dikemas kini, Kerajaan akan dapat menyalurkan bantuan kepada golongan miskin dengan lebih berkesan, mengelakkan pertindihan dan membantu mengeluarkan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan.

Selain itu, untuk memastikan hasrat dan pendekatan dasar Kerajaan difahami dengan jelas oleh semua peringkat anggota perkhidmatan, *Poverty Outreach Kit* telah dihasilkan dan diagihkan ke semua agensi kerajaan. Kerajaan turut menyediakan Program Peta Kemiskinan, yang apabila siap dibangunkan, akan diintegrasikan dengan Sistem e-kasih. Program Peta Kemiskinan membolehkan Kerajaan mengenal pasti kawasan yang terpinggir dan mengubah arah pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup dan peluang ekonomi golongan miskin. Inisiatif ini dijangka dapat membantu menyumbang dengan ketara kepada usaha pembasmian kemiskinan tegar menjelang akhir tahun 2010.

Bagi golongan miskin di bandar, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program, termasuk Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Meringankan Beban Kewangan Keluarga. Di bawah program tersebut, setiap keluarga disediakan bantuan kewangan untuk sewa rumah, pendidikan, penjagaan anak dan rawatan dialisis. Pada tahun 2007, sejumlah 21,144 keluarga dan individu telah mendapat faedah daripada program tersebut. Dalam tempoh lima bulan pertama 2008, sebanyak 5,222 keluarga dan individu telah menerima bantuan yang sama.

Program kredit mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah terbukti sebagai model yang berjaya. Sehingga bulan Jun 2008, AIM memberi

kemudahan kredit mikro kepada lebih 190,900 peminjam, yang membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Skim kredit mikro bandar, yang dilancarkan pada bulan Jun 2008 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta, disasarkan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di kawasan bandar. Buat permulaan, program ini dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

### *Memperluaskan Program Bantuan Sosial*

Selaras dengan objektif untuk membentuk masyarakat prihatin, program bantuan sosial Kerajaan menyediakan bantuan kepada kanak-kanak, ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta golongan miskin bagi membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang lebih baik (sila rujuk rencana, *Program Bantuan Sosial*). Bagi menghargai peranan institusi kekeluargaan dalam memberikan jagaan dan sokongan kepada ahli keluarga yang sakit tenat, bantuan kewangan juga disediakan. Selain itu, mangsa bencana alam, seperti banjir dan kebakaran juga disediakan bantuan untuk mengatasi kesusahan sementara.

Sejumlah 28,011 kanak-kanak, 28,020 warga emas dan 16,542 OKU menerima bantuan pada tahun 2007. Bantuan alat tiruan telah diagihkan kepada 1,166 individu manakala 44,235 mangsa bencana alam telah disediakan bantuan kecemasan. Pada masa hadapan, Kerajaan akan memastikan program bantuan sosial diperluaskan dan memberi manfaat kepada semua rakyat yang layak menikmatinya. Ke arah ini, di bawah Program Cari, Kerajaan akan bertindak dengan lebih proaktif untuk mengenal pasti individu yang layak menerima bantuan.

### *Merapatkan Jurang Sosioekonomi*

Ketidaksamaan sosioekonomi berterusan dari segi pendapatan, pekerjaan dan pemilikan akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan dan mengancam perpaduan serta kestabilan sosial

## **Program Bantuan Sosial**

### **Pendahuluan**

Program bantuan sosial disasarkan bagi mengurangkan kesan negatif kemiskinan dan peningkatan mendadak harga barang keperluan kepada golongan miskin dan golongan yang mudah terjejas. Program ini, termasuk penyusunan sementara serta langkah perlindungan sosial sedia ada seperti subsidi makanan serta bantuan bagi warga emas, golongan kurang upaya, pesakit kronik, mangsa bencana alam dan kecemasan. Selain itu, ia turut membantu dalam mengagihkan semula pendapatan dan sumber serta membolehkan golongan yang memerlukan supaya dapat menyesuaikan diri mengikut perubahan struktur ekonomi. Program bantuan sosial di Malaysia, antara lain membantu mengurangkan kemiskinan sementara, mengelakkan golongan miskin daripada terus miskin dan menyediakan asas bagi mereka keluar daripada belenggu kemiskinan. Ia telah berkembang dari semasa ke semasa dan kini disediakan dalam bentuk bantuan, subsidi dan insentif.

### **Pendekatan Kepada Program Bantuan Sosial**

#### **Bantuan**

Pelbagai agensi dan kementerian menyelia dan menyediakan bantuan dalam bentuk pindahan tunai, barangan dan pengecualian bayaran. Dalam sektor pendidikan, akses kepada pendidikan percuma kepada pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah sementara pendidikan tertiar diberi subsidi yang tinggi. Kanak-kanak sekolah daripada keluarga miskin turut disediakan makanan dan uniform percuma serta belanja harian secukupnya di sekolah. Pada masa yang sama, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai skim untuk membantu golongan miskin dan memerlukan, termasuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Selain itu, bantuan turut disediakan bagi mangsa bencana alam, seperti banjir dan kebakaran untuk mengatasi kesukaran sementara.

Kerajaan juga terus menyediakan biasiswa kepada para pelajar pada peringkat universiti dan kolej di dalam dan luar negara. Jumlah biasiswa telah dinaikkan sejak beberapa tahun lalu dan memanfaatkan ribuan pelajar setiap tahun. Sehubungan itu, pelajar daripada keluarga luar bandar dan miskin terus diberi pertimbangan yang khusus. Ini membantu meringankan beban kewangan keluarga, terutamanya golongan miskin dan mudah terjejas.

Menyedari kepentingan unit keluarga dalam menyediakan persekitaran yang menyokong, bantuan kewangan diberikan bagi membantu kanak-kanak miskin dan yang memerlukan supaya kekal berterusan di bawah pemerhatian dan jagaan anggota keluarga. Bantuan kewangan turut disasarkan bagi menggalakkan keluarga untuk memelihara kanak-kanak bagi membolehkan mereka membesar dalam suasana kekeluargaan. Bagi memastikan pencegahan awal kecacatan, jagaan dan pemulihan kanak-kanak kurang upaya, peruntukan elaun kewangan turut disediakan untuk membolehkan mereka menghadiri pusat pemulihan dalam komuniti. Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menyediakan pendidikan kepada semua, bantuan kewangan dipanjangkan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah bagi meneruskan persekolahan. Kepada warga berumur 60 tahun dan ke atas serta miskin dan tanpa sokongan keluarga, bantuan kebajikan disediakan bagi membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang lebih baik di kalangan masyarakat.

Tiga skim disediakan bagi OKU dan penjaga mereka. Bagi menggalakkan OKU untuk bekerja, elaun bulanan disediakan. Bantuan kewangan turut dipanjangkan kepada mereka yang menjaga OKU dan golongan berpenyakit kronik. Selain itu, menyedari keperluan OKU mendapatkan bantuan kewangan untuk membeli anggota badan tiruan dan memudahkan pergerakan serta meningkatkan keyakinan dan taraf hidup, bantuan disediakan bagi menampung kos keseluruhan alat tiruan tersebut.

Mangsa dan ahli keluarga yang ditimpa bencana alam dan kecemasan disediakan bantuan di pusat perpindahan bagi mengatasi kesukaran sementara. Kepada mereka yang memerlukan bantuan kewangan segera berikutan kecemasan, bayaran secara *one-off* turut disediakan. Selain itu, bantuan jangka panjang turut disediakan bagi membantu mangsa membina semula kehidupan mereka selepas bencana.

Selain daripada bantuan secara langsung, program turut disasarkan bagi mewujudkan peluang menjana pendapatan. Bagi penerima bantuan kebajikan yang mampu dan berkebolehan, geran pelancaran disediakan bagi memulakan perniagaan kecil supaya mereka boleh berdikari. Kanak-kanak penerima bantuan kebajikan, pelajar yang tercicir dan golongan menganggur diberikan elaun aprentis bagi membolehkan mereka menyertai latihan vokasional dan di tempat kerja. Jadual 1 menunjukkan sebilangan program bantuan sosial di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

#### JADUAL 1:

Skim Bantuan Kewangan Persekutuan Terpilih di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat

Bil.	Skim	Objektif	Kadar
1	Bantuan Kewangan kepada Kanak-kanak	Membantu kanak-kanak miskin dan yang memerlukan supaya kekal berterusan di bawah pemerhatian dan jagaan anggota keluarga	RM100 seorang kanak-kanak setiap bulan. Maksimum RM450 sekeluarga sebulan
2	Bantuan Kewangan kepada Warga Emas	Membantu warga tua tanpa jagaan keluarga bagi menikmati taraf hidup yang lebih baik di kalangan masyarakat	RM300 seorang sebulan
3	Elaun Insentif bagi Pekerja Kurang Upaya	Menggalakkan OKU untuk bekerja	RM300 seorang sebulan
4	Bantuan Kewangan bagi Penjaga Pesakit yang Terlantar, Kurang Upaya dan Penyakit Kronik	Meringankan beban kewangan penjaga OKU dan pesakit kronik yang terlantar	Terhad kepada RM300 sebulan bagi seorang penjaga
5	Bantuan Anak Pelihara	Menggalakkan pemeliharaan kanak-kanak yang memerlukan jagaan supaya mereka berpeluang membesar dalam suasana kekeluargaan sebagai alternatif kepada jagaan di rumah kanak-kanak	RM250 seorang sehingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga
6	Elaun Aprentis	Menggalakkan kanak-kanak penerima bantuan JKM, pelajar tercicir dan golongan menganggur menjalani latihan vokasional dan di tempat kerja	RM200 sebulan seorang
7	Elaun bagi Kanak-kanak Kurang Upaya Menjalani Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (CBR)	Menggalakkan ibu-bapa menghantar kanak-kanak kurang upaya ke CBR bagi pencegahan awal, jagaan dan pemulihan kecacatan.	RM150 sebulan seorang

Bil.	Skim	Objektif	Kadar
8	Geran Pelancaran	Menggalakkan penerima bantuan JKM memulakan perniagaan supaya menjadi produktif dan berdikari.	Sehingga maksimum RM2,700 seorang ( <i>one-off</i> )
9	Bantuan Kewangan bagi Pembelian Anggota Badan Tiruan dan Ortopedik	Membantu OKU miskin untuk membeli peralatan seperti anggota badan tiruan dan bantuan ortopedik seperti yang disarankan oleh doktor dan pakar perubatan untuk meningkatkan pergerakan dan taraf hidup	Kos sebenar
10	Bantuan bagi Kanak-kanak Bersekolah	Membantu kanak-kanak daripada ibu-bapa berpendapatan rendah atau penjaga yang mempunyai ramai tanggungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran pengangkutan sekolah</li> <li>• Basikal</li> <li>• Uniform sekolah RM180 – RM220 sekeluarga</li> </ul>
11	Bantuan Kecemasan	Membantu mereka yang memerlukan bantuan kewangan segera	Maksimum sehingga RM300 seorang/ sekeluarga ( <i>one-off</i> )

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

### Subsidi

Subsidi membantu mengurangkan kos/harga sesuatu aktiviti/produk berbanding harga pasaran. Di satu pihak, ia membolehkan pengguna mendapat manfaat daripada harga yang rendah bagi barang keperluan sementara, dan di pihak yang lain, ia membolehkan pengeluar untuk menawarkan barang dan perkhidmatan keperluan dengan keuntungan yang munasabah. Selain itu, ia membantu untuk menstabilkan harga dan mengekang tekanan inflasi. Dalam konteks ini, subsidi diesel dan petrol telah disediakan untuk mengekalkan harga runcit petrol dan diesel bagi operator pengangkutan dan teksi, nelayan dan pemilik kapal vessel serta harga gas petroleum cecair kepada kenderaan dan industri. Ini seterusnya menyokong perkembangan ekonomi dalam persekitaran harga yang stabil.

Bagi mengurangkan impak kenaikan harga petrol dan diesel, rebat tunai disediakan kepada pemilik kenderaan yang layak bagi tempoh setahun bermula 1 April 2008. Subsidi harga padi, baja dan benih telah dipanjangkan bagi membantu para petani. Subsidi lain, termasuk skim penstabilan minyak masak, subsidi faedah bagi pinjaman dalam sektor yang dipromosikan, tol, pengangkutan rel pantai timur dan perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak.

### Insentif

Insentif disasarkan untuk menggalakkan petani bagi meningkatkan output dan pendapatan mereka. Sehubungan itu, bagi meredakan impak kenaikan kos, beberapa insentif kini disediakan. Ini termasuk insentif bagi meningkatkan pengeluaran padi, insentif bagi tanaman makanan lain serta bagi pemasaran dan pagedaran produk pertanian. Selain itu, insentif juga disediakan bagi menukarkan tanah terbiar kepada aktiviti tanaman makanan. Di bawah Kempen Bumi Hijau, insentif disediakan kepada keluarga bagi menggalakkan mereka menanam sayur-sayuran dan membela ternakan bagi penggunaan sendiri.



## Kesimpulan

Program bantuan sosial sedia ada merangkumi spektrum masyarakat yang luas dengan tumpuan diberikan kepada golongan miskin, OKU dan mudah terjejas. Dengan peningkatan kos sara hidup, Kerajaan telah mengkaji semula program sedia ada. Hasil kajian semula ini, Bajet 2009 akan memperkenalkan beberapa langkah bagi menambah baik program bantuan sosial dan memperkukuh mekanisme penyampaian dengan objektif utama memastikan rakyat yang layak mendapat manfaat daripada program ini.

negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada mengimbangi pertumbuhan dengan saksama. Oleh itu, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM533 juta bagi projek memperbaiki infrastruktur asas, utiliti dan kemudahan sosial di negeri yang kurang membangun. Sebanyak 3,475 projek di kawasan luar bandar dijadualkan siap pada tahun 2008 yang mana akan menyediakan kemudahan sosial yang lebih baik kepada penduduk di kawasan luar bandar.

Untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka yang tidak berpendapatan tetap seperti peniaga kecil, petani dan nelayan bagi memiliki rumah, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Jaminan Kredit Perumahan. Melalui skim ini, mereka berpeluang untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana dengan pinjaman yang dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Pada masa ini, skim ini boleh didapati melalui Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam dan sehingga 15 Ogos 2008, 581 permohonan melibatkan pinjaman berjumlah RM25.5 juta telah diluluskan.

Walaupun perusahaan mikro merangkumi lebih kurang 80% daripada keseluruhan PKS, institusi kewangan hanya menyumbang 13% daripada jumlah pembiayaan kewangan kepada perusahaan berkenaan. Bagi menangani keperluan akses pembiayaan yang mencukupi dan berterusan, Kerajaan telah meluluskan satu rangka kerja institusi kewangan mikro yang komprehensif untuk menggalakkan pembangunan industri kewangan mikro yang mapan. Di bawah rangka kerja ini, institusi kewangan pembangunan dan koperasi kredit akan turut sama melengkapi usaha

program kewangan mikro sedia ada seperti AIM dan Yayasan TEKUN Nasional. Di bawah rangka kerja ini, akses pembiayaan akan menjadi lebih mudah dengan keperluan dokumentasi yang minimum.

Dalam konteks keseimbangan wilayah, lima koridor pertumbuhan iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) akan dibangunkan berdasarkan sumber kekayaan dan potensi ekonomi di wilayah tersebut. Peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan yang dihasilkan di koridor tersebut akan mempercepatkan usaha pembasmian kemiskinan, penstrukturan semula masyarakat dan penjanaaan kekayaan yang menyeluruh. Sehingga bulan Julai 2008, sejumlah RM36.6 bilion telah dilaburkan di Iskandar Malaysia yang meliputi 78% daripada jumlah sasaran pelaburan di wilayah tersebut. Pelaburan tersebut kebanyakannya dalam sektor pembuatan, pembangunan harta tanah dan infrastruktur.

### *Pengangkutan Awam yang Efisien*

Sistem pengangkutan awam yang efisien menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Sehubungan itu, beberapa langkah diambil untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama. Beberapa projek sedang dalam pelaksanaan, terutama di Lembah Klang dan Pulau Pinang. Ini termasuk penyambungan Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang. Kereta api tambahan akan mula beroperasi dalam tempoh suku ketiga 2009. Perkembangan ini dapat meningkatkan kapasiti sebanyak dua kali ganda.

Pengambilalihan syarikat KL Monorail System Sdn Bhd pada akhir tahun 2007 telah membawa kesemua sistem rel bandar utama di bawah pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad. Ia kini dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengintegrasikan ketiga-tiga perkhidmatan rel bandar dan menyediakan pengangkutan awam secara besar-besaran di Lembah Klang. Untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah, kapasiti dan jaringan perkhidmatan RapidKL dan RapidPenang diperluaskan.

Pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan bernilai RM570 juta yang telah dimulakan pada bulan November 2007 dijangka siap pada akhir tahun 2010 dan mampu menampung sehingga 200,000 penumpang sehari. Terminal mesra OKU ini yang terletak di kawasan strategik akan menyediakan perkhidmatan bas dan teksi antara bandar dan wilayah selatan. Terminal ini akan mengintegrasikan perkhidmatan antara Transit Aliran Ringan (LRT), KTM Komuter dan *Express Rail Link* (ERL) serta turut dilengkapi dengan kemudahan tempat letak kereta, aktiviti komersil, hentian bas dan teksi yang mencukupi.

Kapasiti perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga akan ditambah dengan penyiapan tiga projek, iaitu Projek Landasan Elektrik Berkembar di antara Sentul ke Batu Caves (siap pada 2009), Seremban dan Gemas (siap pada 2012) dan Ipoh ke Padang Besar (siap pada 2013). Selain itu, berikutan penambahan permintaan untuk perkhidmatan komuter di kawasan Lembah Klang, Kerajaan telah meluluskan pembelian 10 *Electric Multiple Unit* (EMU). Ini dijangka dapat meningkatkan perkhidmatan KTM Komuter di Lembah Klang.

#### *Menambah Baik Kemudahan Awam*

Pada tahun 2007, Kerajaan telah memperkenalkan Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Program Infrastruktur Asas. Program ini diperkenalkan untuk memastikan kemudahan awam yang sedia ada diselenggara dan berada dalam keadaan yang baik pada setiap masa sementara kemudahan baru akan terus dibina. Kedua-dua program tersebut memberi tumpuan kepada projek

infrastruktur awam kecil seperti bangunan dan menaik taraf jalan kampung, perparitan, jambatan, jeti, dewan awam, kemudahan sukan dan agama. Walaupun projek ini kebanyakannya kecil, namun ia memberi impak yang ketara dalam memperbaiki kualiti hidup rakyat, terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Sehingga bulan Jun 2008, di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam, sebanyak 2,952 projek telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM160.3 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,332 projek telah disiapkan sementara 1,517 sedang dalam pelaksanaan. Selain itu, di bawah Program Infrastruktur Asas, sejumlah 5,987 projek telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM353.3 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,783 projek telah disiapkan sementara 1,958 projek masih dalam pelaksanaan di seluruh negara.

#### *Memupuk Tanggungjawab Sosial Korporat*

Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah bagi menggalakkan syarikat senaraian awam (PLC) melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan seruan ini telah disambut baik oleh PLC. Bursa Malaysia telah mengeluarkan Rangka Kerja CSR bagi PLC pada bulan September 2006, sebagai panduan kepada PLC melaksanakan amalan terbaik CSR. Rangka Kerja CSR memberi tumpuan kepada empat bidang utama, iaitu alam sekitar, tempat kerja, masyarakat dan tempat perniagaan. Sebagai langkah susulan, Bajet 2008 memerlukan semua PLC memaklumkan aktiviti CSR dalam laporan tahunan mereka mulai tahun 2008.

Berdasarkan Laporan Status CSR 2007, PLC telah membuat permulaan yang baik dengan menggunakan amalan terbaik antarabangsa walaupun masih banyak lagi ruang yang boleh diperbaiki. Laporan itu juga memaklumkan bahawa alam sekitar dan kepelbagaian aktiviti adalah dua faktor utama yang boleh mempertingkatkan lagi amalan CSR. Ke arah ini, organisasi seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan lagi amalan CSR di negara ini.

## Prestasi Ekonomi

Prestasi ekonomi yang kukuh dalam tempoh separuh pertama 2008 disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang rancak dan didorong oleh sektor luar yang menggalakkan. Penggunaan yang kukuh dalam tempoh separuh pertama, sebahagian besarnya, didorong oleh harga komoditi yang teguh dan kesan berterusan pelarasan gaji kakitangan awam. Selain itu, pelaburan, termasuk import barangan modal dan perantaraan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada tempoh tersebut. Pada masa yang sama, eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor turut mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi.

Seterusnya, pertumbuhan dalam tempoh separuh kedua dijangka sederhana berikutan prestasi sektor luar yang perlahan serta kesan daripada peningkatan harga runcit petrol dan diesel di negara ini. Mulai 5 Jun 2008, Kerajaan telah menstruktur semula sistem subsidi bahan api bagi menggalakkan kecekapan dan mengurangkan ketirisan dalam pengagihan subsidi. Oleh kerana bahan api dan makanan adalah elemen utama dalam belanjawan purata isi rumah, peningkatan harga minyak dan barangan lain akan mengurangkan jumlah pendapatan boleh guna bersih dan seterusnya memberi kesan kepada penggunaan. Untuk mengurangkan impak ini, Kerajaan mengumumkan program rebat tunai berjumlah RM5 bilion kepada pemilik kereta dan motosikal yang layak. Sehingga 21 Ogos 2008, sejumlah RM1.6 bilion telah diberi kepada 3.7 juta pemilik kenderaan.

Dalam sektor perniagaan, kenaikan kos input perantaraan dan jangkaan inflasi yang lebih tinggi mungkin menjejaskan aktiviti pelaburan. Peningkatan kos kendalian perniagaan dan tekanan kepada margin akan menjejaskan keuntungan syarikat dan menyebabkan pengurangan output, seterusnya mengurangkan lagi perbelanjaan pelaburan. Selain itu, terdapat kebimbangan terhadap perkembangan sektor luar yang lebih perlahan akibat daripada kelembapan prospek pertumbuhan rakan dagang Malaysia. Berdasarkan senario tersebut, ekonomi Malaysia dijangka tumbuh sederhana dalam tempoh separuh kedua 2008.

Pada keseluruhan tahun 2008, ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5.7%. Sektor perkhidmatan dijangka tumbuh 7.1% dan terus berkembang sebagai penyumbang utama pertumbuhan KDNK benar. Ini disokong oleh perkhidmatan perantaraan termasuk kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, pengangkutan dan penyimpanan serta industri komunikasi. Dari sudut permintaan, kegiatan ekonomi kekal diterajui oleh perbelanjaan penggunaan dan menyumbang 3.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal dijangka meningkat 11.6% kepada RM700,832 juta, dengan pendapatan per kapita bertambah 9.3% kepada RM25,274 (2007: 10.7%; RM23,114). Dari segi pariti kuasa beli (PPP), pendapatan per kapita dijangka meningkat 14.7% kepada USD16,617 pada tahun 2008 (2007: 19.1%; USD14,483).

## Melangkah Ke Hadapan 2009

### Isu dan Peluang

Pergolakan pasaran bahan api, makanan dan kewangan global terus menjadi isu utama bagi pengurusan ekonomi dalam tahun 2009. Harga minyak mentah mula meningkat dalam tempoh separuh kedua 2007 dengan *West Texas Intermediate (WTI)* mencecah harga tertinggi, iaitu USD145.3 pada 3 Julai 2008. Pada masa yang sama, krisis subprima yang berakar umbi akibat kejatuhan harga rumah di AS telah menyebabkan kadar kegagalan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi. Seterusnya, keadaan kredit yang ketat memburukkan lagi krisis tersebut. Harga makanan juga mula meningkat berikutan permintaan yang tinggi dan kekangan penawaran akibat bencana alam, seperti banjir dan kemarau. Selain itu, penawaran turut dikekang oleh penukaran penggunaan tanah pertanian kepada industri dan perumahan serta saingan tanaman makanan bagi tujuan biofuel. Kesan kesemua perkara tersebut, telah menyebabkan peningkatan tekanan inflasi yang menjejaskan prospek pertumbuhan global pada tahun 2008. Walaupun isu ini dijangka berkurangan dalam tempoh separuh kedua 2009, ia tetap memberi cabaran yang ketara terhadap ekonomi domestik dan memerlukan langkah proaktif Kerajaan sebagai usaha menangani kesan buruk impak cabaran tersebut.

### *Peningkatan Harga Minyak*

Peningkatan harga minyak mentah yang ketara dan berterusan disebabkan oleh beberapa faktor yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Ini termasuk peningkatan permintaan, kekangan penawaran dan ketegangan geopolitik di sesetengah negara pengeluar minyak. Aktiviti spekulatif dan penyusutan berterusan nilai mata wang AS seringkali dikaitkan sebagai faktor lain yang turut menyumbang kepada isu ini. Walaupun sukar mencapai kesepakatan dalam menentukan punca sebenar berlakunya peningkatan harga minyak mentah, terdapat banyak persamaan pendapat dan pandangan berkenaan impak kenaikan harga minyak terhadap ekonomi dunia. Dalam jangka masa terdekat, harga minyak yang tinggi akan memperlambatkan pertumbuhan, sementara dalam jangka masa panjang, perubahan struktur akan membolehkan ekonomi kembali kepada landasan potensi pertumbuhan.

Ekonomi domestik tidak terkecuali menerima kesan daripada kenaikan harga minyak mentah dan ini memberi cabaran kepada kewangan Kerajaan. Kenaikan berterusan harga minyak mentah dunia menyebabkan pertambahan subsidi bahan api yang sukar ditampung, seterusnya memerlukan Kerajaan untuk mengkaji semula program subsidi. Sungguhpun begitu, kenaikan harga minyak mentah ini terus memberi cabaran kepada pengurusan fiskal negara.

### *Harga Makanan Semakin Tinggi*

Harga makanan mulai meningkat dengan ketara sejak permulaan tahun 2007, sebahagian besarnya, disebabkan permintaan yang semakin tinggi dan peningkatan harga minyak yang seterusnya mengakibatkan peningkatan kos bahan api, baja dan racun serangga. Selain itu, penawaran juga terjejas akibat cuaca buruk dan penggunaan hasil tanaman untuk pengeluaran biofuel. Kawalan eksport oleh beberapa negara pengeluar makanan untuk memastikan keselamatan bekalan makanan mereka memburukkan lagi tekanan harga. Harga sesetengah komoditi makanan, seperti beras turun berikutan larangan eksport ditarik balik memandangkan hasil tuaian yang

lebih baik. Namun begitu, harga dijangka kekal tinggi berikutan kenaikan kos input ladang dan permintaan yang kekal kukuh.

Impak kenaikan harga global memberi kesan kepada ekonomi domestik berikutan pengimport memindahkan kenaikan tersebut kepada pengguna dan pengeluar. Bagi mengurangkan kesan kenaikan harga makanan ke atas isi rumah, Kerajaan menyediakan subsidi untuk barangan makanan asas, seperti minyak masak, tepung gandum, beras dan roti. Selain itu, harga barangan tersebut juga terus dikawal sebagaimana gula dan susu proses. Walaupun kenaikan harga makanan adalah fenomena global, strategi jangka panjang negara yang memberi tumpuan kepada produktiviti dan bekalan adalah perlu bagi memastikan harga makanan domestik terus stabil.

### *Volatiliti Kewangan Meningkat*

Berikutan daripada krisis subprima, keadaan kredit di AS dan EU semakin ketat, manakala sentimen pengguna semakin lemah. Keadaan kredit yang semakin ketat serta masalah hutang gadaian dan kedudukan institusi kewangan serta kelembapan berterusan sektor perumahan AS terus menjejaskan sentimen pasaran kewangan. Kebimbangan ini terus menular ke seluruh pasaran kewangan global setelah para pelabur bertindak balas terhadap kesukaran mendapat pinjaman akibat keadaan kredit yang ketat dan seterusnya memburukkan lagi persekitaran pasaran kewangan.

Sektor perbankan dan kewangan Malaysia tidak terdedah secara langsung kepada pelbagai instrumen berkaitan gadaian subprima di AS. Sektor perbankan kekal cergas dengan semua penunjuk utama tetap kukuh. Walau bagaimanapun, ekonomi yang semakin bersepadu secara global menunjukkan prestasi pasaran tempatan akan terus dipengaruhi oleh perkembangan global melalui saluran perdagangan dan pelaburan.

### *Cabaran Terhadap Disiplin Fiskal*

Gabungan impak harga minyak mentah dan harga makanan yang semakin tinggi menyebabkan tekanan yang ketara kepada pengurusan fiskal.

Walaupun dengan kenaikan harga runcit petrol, subsidi bahan api terus meningkat. Dana tambahan turut diperuntukkan bagi menangani masalah jaminan bekalan makanan serta untuk menampung tambahan subsidi bagi roti dan tepung. Tambahan pula, projek Kerajaan juga tidak terkecuali daripada kesan kenaikan harga minyak dunia yang turut mempengaruhi kos binaan.

Kenaikan harga menambah lagi tekanan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia, terutamanya golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk menangani kesan kenaikan harga dan memastikan kesejahteraan golongan ini, Kerajaan menyalurkan peruntukan tambahan bagi memperluaskan jaringan keselamatan sosial. Ini seterusnya menambah lagi tekanan kepada pengurusan fiskal negara.

Cabaran ini memberi peluang yang baik kepada Kerajaan dalam menilai keperluan dasar dan program sedia ada dan merancang tindakan dasar strategik. Kesan positif daripada peningkatan harga makanan global adalah usaha memberi tumpuan yang lebih kepada sektor pertanian bagi meningkatkan hasil keluaran makanan. Sumber tambahan turut diperuntukkan untuk meningkatkan keluasan tanaman makanan dan produktiviti pertanian. Antara kesan positif lain daripada kenaikan harga minyak mentah global adalah kajian semula subsidi minyak yang merupakan langkah pertama ke arah dasar subsidi dan struktur tarif jangka panjang yang lebih bersesuaian dengan harga minyak mentah dunia.

Menyedari perlunya tindakan menyeluruh terhadap cabaran ini, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Ekonomi yang akan memberi nasihat mengenai tindakan strategik serta pendekatan menyeluruh bagi menangani impak perkembangan global terhadap ekonomi domestik. Majlis ini, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan diwakili oleh pihak Kerajaan, sektor swasta, ahli akademik, kesatuan dan NGO akan meninjau isu yang dihadapi oleh negara secara makro. Majlis ini akan memantau dan menganalisis aliran dan perkembangan ekonomi domestik dan global serta menggubal strategi untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan pelaburan dalam dan luar negara. Ia juga

akan mengenal pasti pendekatan untuk mengawal keadaan inflasi dan memastikan bekalan yang mencukupi serta menilai semula sistem pemberian subsidi dan kawalan harga bagi mengurangkan gangguan dalam ekonomi domestik. Selain itu, ia juga akan merangka satu jaringan keselamatan sosial yang komprehensif bagi mengurangkan impak kenaikan harga terhadap golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

## Langkah Strategik 2009

Isu ekonomi semasa akan berterusan melangkaui tahun 2008 dan dijangka mempengaruhi prestasi ekonomi global pada tahun 2009. Keadaan ini memerlukan pengurusan ekonomi domestik yang pragmatik. Di samping memastikan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan berterusan dan kestabilan makroekonomi, Kerajaan akan terus prihatin, bertanggungjawab dan responsif terhadap keperluan rakyat Malaysia. Oleh itu, Bajet 2009 secara asasnya menumpukan kepada kepentingan rakyat dan berpandukan kepada lima teras Misi Nasional iaitu, menggerakkan ekonomi dalam rangkaian nilai yang lebih tinggi; meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

## Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat

Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat, Kajian Separuh Penggal RMKe-9 mengulangi komitmen Kerajaan untuk menambah baik akses dan kualiti penjagaan kesihatan, meningkatkan peruntukan kemudahan perumahan berkualiti dan mampu dimiliki serta memastikan bekalan air dan elektrik kepada golongan miskin. Selain itu, jaringan kemudahan pengangkutan akan diperluas, keselamatan awam dipertingkatkan dan alam sekitar dilindungi. Berikutan cabaran pembangunan sosioekonomi yang pantas dan kesannya terhadap institusi keluarga, inisiatif dasar akan diambil bagi mewujudkan masyarakat yang lebih prihatin.

Dalam usaha memastikan objektif dasar ini tercapai dan menangani impak kenaikan harga yang lebih tinggi, terutamanya di kalangan golongan yang mudah terjejas, Bajet 2009 akan memperluas dan menambah baik program bantuan sosial. Ke arah ini, kriteria kelayakan bantuan kebajikan akan dikaji semula sementara jumlah bantuan akan ditingkatkan. Kajian semula ini akan mengambil kira keadaan keluarga seperti pendapatan isi rumah, bilangan kanak-kanak yang bersekolah dan bilangan bayi dalam keluarga. Kajian ini dijalankan bagi memastikan program bantuan sosial dapat disasarkan dengan lebih tepat dan membolehkan rakyat yang layak akan mendapat manfaat dari program ini. Kerajaan akan terus meninggikan kualiti hidup rakyat melalui peruntukan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Skim Jaminan Kredit Perumahan akan diperluas bagi melibatkan lebih banyak bank dan seterusnya memperluas liputan golongan sasaran di seluruh negara. Bagi menambah baik akses liputan kemudahan awam di kawasan luar bandar dan pedalaman, Kerajaan akan memperuntukkan dana tambahan bagi projek bekalan air dan elektrik luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Walaupun program pembasmian kemiskinan menunjukkan hasil yang membanggakan, Kerajaan sedar lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi menangani kesan kenaikan kos sara hidup. Oleh itu, Kerajaan akan terus memperuntukkan sumber bagi projek menjana pendapatan untuk membolehkan golongan miskin dan mudah terjejas mendapat peluang meningkatkan pendapatan mereka. Program yang terbukti berkesan seperti AIM akan diperluas ke kawasan bandar di seluruh Malaysia. Bagi menggalakkan rakyat menjalankan aktiviti perniagaan daripada rumah dan perdagangan kecil-kecilan, Kerajaan akan memudahkan pengeluaran lesen dan permit.

Pembangunan wilayah akan terus diberi tumpuan kepada meningkatkan taraf hidup serta menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi di seluruh wilayah dan negeri. Dalam konteks ini, pelaksanaan projek koridor pertumbuhan dijangka membawa pembangunan yang lebih

baik dan seimbang di seluruh negara. Sabah dan Sarawak dengan insiden kemiskinan tegar dan kemiskinan keseluruhan yang tinggi, akan mendapat manfaat daripada pembangunan SDC dan SCORE. Kerajaan akan mempercepatkan projek infrastruktur luar bandar, seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, perparitan serta menyediakan insentif bagi menarik pelaburan di koridor-koridor ini.

Bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi terhadap pengangkutan awam, Kerajaan akan terus menambah baik kualiti dan kecekapan industri pengangkutan melalui insentif fiskal. Selain itu, jumlah dana yang secukupnya akan diperuntukkan bagi memastikan pengangkutan awam terus ditambah baik dari segi liputan, perhubungan dan ketepatan masa.

Sementara itu, cadangan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang diumumkan 2008 dan akan beroperasi dalam tempoh separuh pertama 2009 akan memastikan sektor pengangkutan mempunyai garis panduan dasar yang jelas dan fokus serta persekitaran operasi yang stabil. Ini akan membolehkan pihak industri melaksanakan keputusan strategik jangka panjang bagi pelaburan dalam industri pengangkutan, seterusnya membolehkan orang ramai mendapat manfaat daripada sistem pengangkutan awam yang baik dan bersepadu. Inisiatif ini adalah konsisten dengan matlamat jangka panjang bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam daripada tahap sedia ada daripada 20% kepada 30%, seperti yang disasarkan dalam RMKe-9. Pada masa yang sama, satu Pelan Induk Pengangkutan akan dibangunkan, antara lain untuk menyediakan rangka kerja institusi dan panduan komprehensif kepada penggubal dasar dan pihak lain yang terlibat dalam pembangunan jangka panjang sektor ini.

## **Meningkatkan Daya Saing Negara**

Kajian Separuh Penggal RMKe-9 terus memberi penekanan kepada tiga strategi utama untuk menggerakkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi, iaitu meningkatkan daya saing dan produktiviti, menjana sumber pendapatan baru

dan memperluaskan pasaran baru. Strategi ini dijangka dapat membolehkan negara beralih kepada kegiatan ekonomi berpendapatan tinggi dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang pro-perniagaan dan mesra pelabur. Pelaburan dalam penyediaan infrastruktur adalah pemangkin bagi menarik pelaburan asing dan swasta, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan industri berasaskan pengetahuan. Bagi meningkatkan daya saing syarikat tempatan, insentif fiskal akan ditumpukan kepada menggalakkan lebih banyak aktiviti binausaha dan peningkatan produktiviti. Kerajaan akan terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui beberapa inisiatif serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti sektor awam.

Kerajaan komited untuk meningkatkan peluang bagi mempergiatkan aktiviti keusahawanan dalam negara. Syarat pemberian lesen perniagaan dan permit akan dilonggarkan dan akses kepada dana akan dipertingkatkan. Insentif khas akan disediakan bagi menggalakkan bakat keusahawanan di kalangan graduan menganggur. Industri REIT yang rancak dan kompetitif menyediakan peluang kepada para pelabur untuk melabur dalam sektor harta tanah dan membantu kepelbagaian portfolio. Bagi mewujudkan industri REIT yang lebih menarik dan merangsang sektor harta tanah, Kerajaan akan menggalakkan pengapungan nilai harta tanah melalui REIT. Ke arah ini, Kerajaan akan menyediakan insentif bersesuaian bagi menjadikan industri REIT menarik dan berdaya saing di rantau ini.

PKS kekal sebagai tulang belakang ekonomi negara. Menggerakkan perusahaan ini dalam rangkaian nilai yang lebih tinggi akan membolehkan ekonomi menjana aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi dan pada masa yang sama menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Memandangkan PKS bergiat di seluruh negara, pembangunan PKS juga akan menyumbang kepada pertumbuhan yang seimbang. Bagi memperkasakan PKS, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah

dijenamakan semula sebagai Perbadanan SME Malaysia bagi menyelaraskan pembangunan PKS di setiap sektor. Kerajaan akan menggalakkan PKS mengembangkan operasi, memasarkan kemahiran dan produktiviti menerusi insentif fiskal serta memastikan sistem perbankan kekal mesra terhadap keperluan pembiayaan PKS.

## **Membina Keupayaan Demi Masa Hadapan**

Transformasi ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan serta peningkatan sumber pertumbuhan yang baru dan pembangunan koridor pertumbuhan wilayah telah meningkatkan permintaan dalam negara bagi pekerja mahir dan berpengetahuan. Selaras dengan itu, pembangunan modal insan yang memenuhi permintaan pasaran adalah penting bagi menyokong usaha untuk menggerakkan ekonomi dalam rangkaian nilai yang lebih tinggi. Bagi menyokong usaha ini, Bajet 2009 akan memperuntukkan 23.2% daripada keseluruhan bajet atau RM47.8 bilion bagi sekolah rendah dan menengah serta institut latihan kemahiran dan institusi pengajian tinggi.

Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memainkan peranan penting dalam menghasilkan pekerja berpengetahuan dalam ekonomi negara. Sehubungan itu, universiti awam akan digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak industri dalam memperkukuh kurikulum dan mewujudkan program latihan yang mendedahkan para pelajar dengan amalan dan teknologi terkini industri. Bagi menggalakkan IPTA kekal di hadapan dalam penyelidikan dan inovasi, ahli akademik akan disediakan peluang bagi mengkhususkan kepakaran dan menjalankan penyelidikan pasca kedoktoran. Bagi menyokong permintaan terhadap pekerja mahir peringkat pertengahan, kapasiti latihan dan kualiti institusi latihan teknikal dan vokasional awam terus dipertingkatkan. Ini akan dilaksanakan melalui perkongsian sumber yang kreatif di kalangan pusat kemahiran dan menyelaraskan program latihan bagi memastikan program yang dijalankan memenuhi kehendak industri.

## Memperkuh Daya Tahan Negara

Tumpuan Bajet 2009 dalam meningkatkan daya saing, memperbaiki kualiti hidup dan binaupaya pada masa hadapan adalah dibentuk sebagai salah satu usaha untuk memperkuh daya tahan negara. Satu lagi aspek penting bagi daya tahan ekonomi negara adalah keteguhan kewangan Kerajaan. Dalam suasana harga bahan api dan makanan yang tinggi, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menambah baik kesejahteraan rakyat. Oleh itu, defisit bajet Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada 4.8% daripada KDNK pada tahun 2008. Dengan jangkauan ekonomi global pulih secara perlahan dan pelaksanaan strategi Bajet 2009, negara dijangka kembali di atas landasan ke arah konsolidasi fiskal.

Bagi mencapai matlamat ini, disiplin fiskal adalah prinsip utama bagi pengurusan kewangan di semua peringkat Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menghadkan perbelanjaan yang kurang penting dan boleh dihindar. Butiran perbelanjaan akan diteliti dengan lebih ketat bagi memastikan nilai yang terbaik. Kerajaan akan terus mengkaji dan menyelaraskan program yang dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan dan kementerian yang mempunyai kumpulan sasaran yang sama bagi memastikan peruntukan dan penggunaan sumber yang lebih efisien.

Usaha akan dipergiatkan bagi meningkatkan hasil cukai dengan menambah kecekapan agensi pungutan hasil. Ini melibatkan peningkatan keupayaan pegawai serta menyediakan kemudahan dan sistem yang mencukupi di semua peringkat Kerajaan. Menyedari keperluan untuk mempelbagaikan sumber hasil, Kerajaan mengambil langkah untuk memperluas asas cukai serta memastikan pulangan yang setimpal terhadap pelaburan yang dilaksanakan. Sehubungan itu, syarikat milik Kerajaan dikehendaki mempunyai dasar dividen yang jelas bagi meningkatkan ketelusan, memperbaiki hubungan pelabur dan menyediakan tanda aras yang lebih tinggi bagi tadbir urus korporat.

Proses belanjawan akan memberi lebih tumpuan kepada penilaian program dan projek awam

bagi memastikan projek Kerajaan menghasilkan pulangan setimpal dengan nilai wang yang dibelanjakan. Metodologi penilaian yang teratur dan pelaksanaan secara institusi akan membantu penggubalan dan perubahan dasar bagi program sedia ada. Ini akan memastikan program dan aktiviti terus relevan, tepat dan berkesan dalam memenuhi objektif dan sasaran yang dikenal pasti. Rangka kerja belanjawan kini merangkumi konsep berkaitan belanjawan berasaskan hasil dan pengukuran prestasi yang sistematik. Elemen ini akan diberi penekanan semula dan penilaian akan diinstitusikan sebagai komponen kritikal dan penyumbang kepada penggubalan dasar yang berkesan di semua peringkat.

## Prospek

Berdasarkan permintaan domestik yang kukuh, pendirian fiskal yang menyokong dan langkah proaktif seperti yang dicadangkan dalam Bajet 2009, ekonomi dijangka berkembang 5.4 % pada tahun 2009. Ini diterjemahkan kepada pertumbuhan sebanyak 8.1% dalam pendapatan per kapita nominal, meningkat daripada RM25,274 pada tahun 2008 kepada RM27,334 pada tahun 2009, manakala PPP meningkat daripada USD16,617 kepada USD17,549. Selaras dengan usaha Kerajaan dalam memastikan kemapanan fiskal, defisit akan kembali dikonsolidasikan kepada 3.6% daripada KDNK. Kedudukan imbalan pembayaran Malaysia dijangka kekal teguh dengan akaun semasa mencatat lebihan bagi 12 tahun berturut-turut. Lebihan akaun semasa berjumlah 15.9% daripada KDNK dijangka terhasil daripada akaun bayaran dan perjalanan.

Berdasarkan inisiatif dan program dasar pragmatik yang dilaksanakan, keseimbangan antara memastikan kestabilan harga dan kemapanan pertumbuhan ekonomi membolehkan setiap rakyat Malaysia meningkatkan kesejahteraan dalam persekitaran yang selamat, aman dan makmur. Selain itu, dasar tersebut digubal bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara. Dalam usaha Kerajaan memberi tumpuan kepada objektif ini, kejayaannya adalah bergantung kepada sejauh mana semua rakyat Malaysia kekal cecak dan bersatu.